

# ***THES 2005*—KATEGORI SASTERA, KEMANUSIAAN DAN SAINS SOSIAL DI TANGGA 45 DAN 83: HIKMAH YANG DIKHUATIRI**

**AZIZAH HAMZAH**

---

## **ABSTRACT**

The year 2004 marked the debut of the *Times Higher Education Supplement (THES)*, an educational supplement of the mainstream newspaper *The Times* of London. It was an auspicious year for University of Malaya for it managed to get into the Top 200 World Class Universities listing. There are over 30,000 universities in the whole world and University of Malaya ranked number 89. In 2005, the same ranking placed University of Malaya at number 45 in the discipline of the arts and humanities. This is a feat that confirms the university's long tradition of excellence in the arts and humanities.

**Keywords:** *academic, higher education, Malaysia, world class universities, rating*

## **PENGENALAN**

Pada tahun 2004, *The Times Higher Education Supplement (THES)* telah menyenaraikan Universiti Malaya (UM) dalam Top 200 World Class Universities. UM telah diletakkan pada tangga ke-89. Secara kebetulan pula, pada tahun 2005 UM meraikan ulang tahunnya yang ke-100, maka penerimaan berita baik tersebut disambut dengan penuh kebanggaan.

Perlu disedari bahawa UM tidak memohon untuk turut serta dalam usaha penarafan oleh *THES*. Usaha penarafan dilakukan oleh QS Quacquarelli Symonds London bagi pihak *THES* tanpa disedari oleh UM. Namun demikian, mulai Oktober 2005 seluruh negara, termasuk semua institusi pengajian tinggi (IPTA), media massa cetak, elektronik dan talian, masyarakat umum serta ahli politik membahaskan isu kejatuhan UM daripada tangga 89 pada tahun 2004 kepada 169 pada tahun 2005. Perbincangan dan perdebatan tentang perkara ini telah menimbulkan polemik yang agak berpanjangan.

Artikel ini akan membincangkan sesuatu yang tidak diperdebatkan oleh kesemua pihak yang tersebut di atas, sebaliknya membincangkan hikmah di

sebalik suatu kejatuhan kerana seiring dengan kejatuhan itu sebenarnya ada suatu kejayaan.

Dalam perspektif selanjutnya, artikel ini cuba menjelaskan penilaian *THES* yang memartabatkan ilmu kesusasteraan, kemanusiaan dan sains sosial di UM ke mercu tanda yang agak gemilang. Para ahli akademik dalam bidang ini tentunya berkewajipan untuk memperbaiki kalau tidak mempertahankan kedudukan ini.

### **THES 2005**

Pada hari bertuah bulan Oktober 2005, Fakulti Sastera dan Sains Sosial (FSSS), UM telah dikejutkan dengan berita bahawa bidang sastera dan kemanusiaan UM memperoleh tempat ke-45 dalam Pemingkatan 100 Universiti Terbaik kategori sastera dan kemanusiaan oleh *THES*. Suplemen ini diterbitkan oleh TSL Education Ltd. London, sebuah gedung penerbitan bidang pendidikan dan pengajian tinggi yang terkemuka di United Kingdom. Syarikat ini merupakan anak syarikat News International Publishers Ltd. yang juga merupakan penerbit akhbar aliran perdana *The Times* dan *The Sunday Times*, United Kingdom. *THES* menerbitkan hasil kajian tentang pemingkatan universiti terbaik di dunia berdasarkan tinjauan yang dikendalikan dengan kerjasama rakan niaganya, QS Quacquarelli Symonds London.

QS Symonds lebih dikenali sebagai syarikat yang membekalkan maklumat tentang dunia pendidikan antarabangsa, terutama untuk pasaran MBA dan pengajian siswazah antarabangsa. Selain itu, QS juga bukan sahaja merupakan pembekal sumber maklumat untuk institusi pendidikan serta majikan antarabangsa, tetapi juga merupakan pembekal siswazah kepada universiti-universiti di dunia. Kiranya agak jelas bahawa mereka bermotivasi komersial dan sangat bersangkutan dengan semangat untuk dikenali sebagai satu-satunya pembekal pemingkatan universiti bertaraf dunia yang dirujuk semua. Apa tidaknya, kerana pada tahun 2003 dianggarkan terdapat 3.1 juta pelajar pascaijazah menuntut ilmu di universiti-universiti antarabangsa, dan angka ini dijangka bertambah melebihi 5.8 juta pada tahun 2010. Gambaran ini sudah mampu mendorong kita memahami tujuan utama kegiatan QS Symonds dan *THES*.

Setelah menerima berita bersejarah dan agak mengejutkan itu, Fakulti tidak mengambil berita tersebut mentah-mentah, malah berhati-hati mengambil masa untuk mencernakan kata-kata tersebut, dan sejenak demi sejenak baru Fakulti mula mengerti bahawa bidang kesusasteraan dan kemanusiaan yang didukung beberapa Akademi, Fakulti dan Pusat di UM telah diberi penghormatan dan pentauliahkan oleh *THES*.

Seyogianya diingatkan bahawa sekitar masa itu juga, Naib Canselor UM dan sekumpulan warga kampus yang terdiri daripada beberapa orang Dekan, Timbalan Dekan, dan Ketua Jabatan yang menghadiri Persidangan *QS Asia Pacific Professional Leaders in Education* di Nanyang Technological University (NTU) Singapura pada Ogos 2005 sedang menunggu berita tentang Pemingkatan 200 Universiti Terbaik *THES 2005*. Dalam persidangan di NTU itu, kumpulan ini telah mengadakan perjumpaan dengan Editor *THES*, John O'Leary serta pegawai-pegawai QS Symonds termasuklah Pengarah Urusannya, Nunzio Quacquarelli. Dalam sesi pembentangan metodologi oleh O'Leary, para peserta persidangan yang berjumlah lebih kurang

600 orang, termasuk rombongan Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), semua pihak dari seluruh dunia telah mempersoalkan pelbagai isu termasuk kritikan yang cukup pedas terhadap kaedah pemeringkatan serta pelaporan oleh O'Leary. Namun, disebabkan O'Leary merupakan seorang wartawan yang telah biasa berdepan dengan khalayak dan sebarang kontroversi, beliau menerima kritikan hebat itu secara alah bisa tegal biasa dan berjanji akan mengambil kira segala cadangan yang diberikan. Mulai saat-saat pertemuan itu, timbul pelbagai tanda tanya dan usaha memerah otak untuk memahami kaedah dan selok-belok pengurusan pemeringkatan oleh *THES*. Dipercayai bahawa selain kumpulan rombongan ke NTU itu terdapat juga sesetengah warga kampus yang tertanya-tanya dan mula mengkaji secara klinikal kaedah dan analisis *THES*.

Kesedaran mulai timbul bahawa pada 2005, selain pemeringkatan 200 universiti terbaik dunia, *THES* telah menambahkan usaha pemeringkatan dengan memberi pengiktirafan 100 universiti bertaraf dunia dalam lima bidang, iaitu sains, teknologi, sastera dan kemanusiaan, sains sosial, dan bioperubatan. UM berjaya menempa sejarah kerana diiktiraf universiti bertaraf dunia dalam tiga kategori, iaitu bidang sastera dan kemanusiaan di tempat ke-45, bidang sains sosial ke-83, dan tempat ke-82 universiti terbaik dalam kategori bioperubatan. Selain itu, *THES* juga menambah kriteria pemeringkatan daripada lima indikator pemeringkatan kepada enam:

- a. *Peer review* atau pendapat rakan kesepakaran (40%): suatu tinjauan melibatkan 2,375 ahli akademik yang aktif. UM sebenarnya mendapat tempat lebih baik dalam *peer review* 2005, iaitu tempat ke-80 berbanding tempat ke-121 pada 2004.
- b. Jumlah kertas penyelidikan yang dirujuk oleh para akademik (20%).
- c. Nisbah pensyarah-pelajar (20%).
- d. Jumlah pelajar dari luar negara (5%).
- e. Jumlah pensyarah dari luar negara (5%).
- f. Pandangan para majikan tentang graduan universiti mana yang dipilih mereka untuk diambil bekerja dalam organisasi mereka (10%): tinjauan diadakan di kalangan organisasi perbankan dan kewangan, syarikat penerbangan, syarikat automobil, farmasi, syarikat barangan konsumer serta syarikat yang terlibat dalam komunikasi dan pengedaran antarabangsa.

*THES 2004* telah menunjukkan bahawa UM menerima skor yang tinggi untuk kriteria ini, mengalahkan London School of Economics (LSE) yang memang terkenal sebagai universiti yang berjaya menarik pelajar asing yang paling ramai di UK. Pengarah Urusan QS, Nunzio Quaquarelli sendiri mengakui bahawa skor yang tinggi ini adalah kerana pihaknya telah melakukan kesalahan koding dengan menginterpretasi jumlah pelajar Cina dan India di UM sebagai pelajar antarabangsa.

Dipercayai bahawa selepas QS memperoleh data tentang 550 universiti terbaik dunia daripada rakan kesepakaran, mereka mula mencari maklumat tambahan daripada laman web universiti, perhubungan e-mel, statistik, dan percakapan melalui telefon dengan responden terpilih.

**THES 2005 Menggemilangkan Bidang Sastera, Kemanusiaan dan Sains Sosial UM**

Berita baik tentang tangga ke-45 dan ke-83 ini diterima dengan lega oleh Fakulti kerana sejourus sebelum pemeringkatan kategori sastera dan kemanusiaan diumumkan, UM didapati tidak berjaya mendapat tempat dalam penyenaiaan pemeringkatan 100 universiti terbaik dalam kategori sains dan kategori teknologi. UKM merupakan satu-satunya universiti tempatan yang berjaya disenaraikan dalam 100 universiti terbaik dalam kategori sains. UM mendapat tempat ke-111, USM ke-190, manakala UPM tempat ke-321.

Pertamanya, harus ditegaskan bahawa pada saat-saat menerima berita kedudukan di tangga ke-45 itu pun telah tersemat tanda tanya apakah kedudukan cemerlang dan menyilaukan ini boleh hilang bagai halimunan nanti? Apakah 45 itu membawa bersamanya perangkap dan kemelut yang direncanakan oleh suatu konstruksi yang rapuh dan beragenda tersendiri? Namun demikian berita yang baik tetap diterima dengan baik meskipun timbul juga bermacam-macam soalan yang lebih berat bertanya “bagaimana” dan “kenapa”, terutamanya apabila dikaitkan dengan hal yang telah berlaku di Faculty of Arts and Social Sciences (FASS), National University of Singapore (NUS) yang telah jatuh ke tangga 56 pada tahun 2005 setelah berjaya meragut tempat ke-17 pada tahun 2004. Sesungguhnya berita tentang kedudukan ke-45 ini lebih merupakan kejutan apabila dikaitkan dengan yang yang berlaku di NUS.

Semasa berlangsungnya Forum Malaysia–Singapore di UM, Dekan FASS, NUS, Prof. Madya Dr Tan Tai Yong membayangkan sedikit keresahan tentang kedudukan tinggi bidang sastera dan sains sosial NUS, dan tertanya-tanya apakah mungkin benar kata orang “*what goes up can only come down*”. Tampaknya keresahan itu berasas kerana kedudukan kategori sastera dan kemanusiaan NUS jatuh dalam tinjauan 2005. Dalam masa setahun, FASS jatuh 39 tangga. Bagaimana hal ini boleh terjadi? Apakah ini juga suatu premonisi kedudukan bidang sastera dan kemanusiaan dan sains sosial kita pada tahun 2006 ini? Cukup diperkatakan di sini bahawa kekhuatiran tentang prosedur *THES* memang berasas kerana setelah dibincangkan dan diperdebatkan dalam forum dan media massa nasional, media antarabangsa serta media “online”, terutamanya blog, nyata bahawa prosedur tinjauan *THES* didapati bermasalah dan tidaklah dapat dianggap sebagai berautoriti yang mutlak, malah telah terbukti mempunyai kelemahan kaedah dan penentuan tentang kriteria yang condong ke arah universiti-universiti Barat, terdapat *bias* dan bersifat Euro-Amerika sentrik.

Meskipun diselubungi kekhuatiran ini, namun agak jelas bahawa, pokoknya, disiplin sastera, kemanusiaan, dan sains sosial UM memang telah membudayakan satu kekayaan sejarah kehidupan akademik. Jika bolehlah dimegahkan sesuatu tanpa dianggap kurang sedap didengar dan kurang manis dipandang, maka sesungguhnya Fakulti amat bertuah kerana mewarisi kekayaan tradisi ilmu daripada para pengasas sejak awal penubuhannya. Pewarisan harta intelektual serta sejarah kehidupan keilmuan para akademik terkemuka mendorong generasi sekarang untuk terus menempa kecemerlangan dan mengulangi jejak langkah dan pola lampau. Sebut sahaja nama Profesor Diraja Ungku A. Aziz, para Profesor Emeritus seperti Datuk Abu Bakar Hamid, Datuk Nik Safiah Abdul Karim, Dato’ Asmah Hj Omar, Dato’ Khoo Kay Kim, Dato’ Tengku Shamsul Bahrin serta pengasas terdahulu seperti Sutan Takdir Alisyahbana, Hamzah Sendut, Wang Gungwu, dan lain-lain,

maka sedarlah kita bahawa jejak-jejak warisan ilmu merekalah yang telah menempa dan kini sama-sama mengarah hala tuju yang menghasilkan suatu kedudukan yang cemerlang.

Untuk melukiskan budaya dan kekayaan kehidupan akademik di Fakulti, maka pertanyaan yang paling penting adalah seperti: “Apakah ilmu yang disumbangkan FSSS menghasilkan suatu kebijakan dan pengembangan ilmu yang turut menciptakan suatu komunikasi ilmiah, suatu citra diri keilmiah, suatu ‘positioning’ yang meletakkan FSSS serta fakulti dan pusat lain yang menawarkan kursus-kursus dalam disiplin sastera, kemanusiaan dan sains sosial sudah sampai ke taraf memiliki suatu ‘citra’ atau ‘brand’ kualiti pengajaran, penyelidikan dan penerbitan, tiga *core business* institusi pengajian tinggi?” Jawabannya tentulah pewarisan harta intelektual serta sejarah kehidupan akademik yang mantap yang mendorong generasi sekarang untuk terus menempa kecemerlangan dan meneruskan pola yang sekian lama telah tersusun dan terletak.

Selain itu, Fakulti diibaratkan induk yang menzahirkan beberapa akademi, fakulti, dan pusat yang berjaya dan memperkembang disiplin baharu dalam pelbagai bidang ilmu kesusasteraan dan kemanusiaan seperti di Akademi Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Islam, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Pusat Kebudayaan, Institut Asia-Eropah, dan lain-lain.

Mungkinkah tangga 45 dan 83 bukti sahih bahawa pewarisan ilmu dan pensejarahan akademik tempaan awal itu kini membuah pola-pola kecemerlangan yang secara automatik menzahirkan suatu kedudukan cemerlang apabila ditinjau mengikut kriteria dan indikator pemeringkatan oleh QS Quacquarelli Symonds dan *THES*?

Sekiranya demikian, pola pewarisan ilmu yang serasi serta menyumbang secara positif ke arah pemeringkatan *THES* dapat dikesan melalui beberapa indikator, terutamanya indikator yang menunjukkan kekuatan pengajaran, penyelidikan, kepengarangan, dan reputasi antarabangsa seperti berikut:

### **Amalan Pelantikan *Peer Review* dan Pemeriksa Luar**

Pertama, barangkali ada baiknya untuk kita semua menjadi saksi akan kebijakan pihak rintis menerima suatu amalan baik para akademik kolonial untuk memberi kepercayaan tinggi terhadap amalan pelantikan *peer review* (penilaian rakan sepakaran). Secara kebetulannya indikator pemeringkatan yang paling utama bagi *THES* adalah *peer review* yang berjumlah 40% (50% pada ekksesais 2004) daripada jumlah skor pemeringkatan. Tidaklah pula diketahui siapakah para penilai luar terutama dari United Kingdom, Amerika Syarikat, Australia, Hong Kong, India, dan negara-negara lain menyumbang ke arah persepsi yang positif dan memihak kepada kita terutamanya amalan merujuk kepada pakar bidang dari luar persekitaran tempatan.

Selain itu, langkah Naib Canselor UM mengetuai delegasi menandatangani 10 MOU dengan universiti luar negara pada tahun 2005, yang menjadikan jumlah keseluruhannya ialah 70 dengan para profesor universiti antarabangsa merupakan langkah bijak mempertingkatkan penjaringan serta kolaborasi penyelidikan dan pengajaran dengan masyarakat akademik antarabangsa. Pada tahun 2005 juga, UM telah menerima 60 lawatan delegasi akademik dari seluruh pelosok dunia. Naib Canselor telah melakukan strategi penjaringan yang cukup rapi, membawa

UM ke persada dunia dan impaknya adalah respons positif terhadap institusi pengajian tinggi tanah air. Perhubungan keserjanaan ini pada dasarnya merupakan cara terbaik para ilmuwan berkomunikasi antara satu sama lain. Di sini juga kita berupaya memilih universiti-universiti terbaik untuk dijadikan penanda aras dan model dalam usaha penambahbaikan.

### **Pembudayaan dan Pengunggulan Kualiti Pengkaryaan dan Penerbitan**

Menurut Prof. Emeritus Dato' Khoo Kay Kim (2005), pemeringkatan 45 dan 83 merupakan suatu kurniaan yang meletakkan fakulti-fakulti sastera dan kemanusiaan serta sains sosial ke suatu profil yang tinggi. Dengan perkataan lain, beliau ingin mengingatkan semua ahli fakulti supaya merebut peluang daripada kedudukan ini dengan bersifat lebih proaktif dan meningkatkan pelbagai potensi diri dan Fakulti. Kegiatan penyelidikan dan penerbitan harus diutamakan supaya kita dapat bertahan dalam pemeringkatan dan terus membaiki diri menjadi entiti yang lebih baik lagi.

Usaha harus digemblengkan oleh semua pihak untuk memeriahkan kegiatan penerbitan monograf, buku, dan jurnal dengan penerbit-penerbit tempatan dan luar negara. Prasyarat kepada persekitaran pengkaryaan dan penerbitan adalah kegiatan penyelidikan kerana dari sinilah terhasilnya harta intelektual. FSSS telah mengenal pasti beberapa bidang penyelidikan teras seperti kajian bidang pembinaan bangsa, kajian kebudayaan, kajian bandar dan luar bandar, kajian persekitaran dan lain-lain. Selain itu, sepanjang tahun 2005, sempena dengan Perayaan 100 tahun UM ditubuhkan, Naib Canselor telah meluluskan dana untuk pelbagai persidangan antarabangsa dan seminar kebangsaan. Yang terbaharu adalah kelulusan dana untuk meneruskan projek Kajian Bersama FASS, NUS dengan FSSS, UM. Para pelajar daripada kedua-dua fakulti sastera dan sains sosial NUS dan UM berkongsi kredit menjalankan projek kerja lapangan bersama di Singapura dan Malaysia.

Suasana kemeriahan kegiatan ilmiah serta kegiatan-kegiatan lain yang bertumpu pada atau dikaitkan dengan dunia perbukuan yang melanda kampus, umpamanya syarahan perdana, forum, dan persidangan tentunya mengembangkan suasana pengkaryaan yang lebih kreatif dan menjana idea baharu. Ditambah pula dengan strategi yang terancang dan teratur, maka akan lebih mantaplah keupayaan masyarakat kampus mempertahankan kedudukan walaupun dalam suasana ketidakpastian *THES 2006*.

Justeru, tepat sekali bagi Naib Canselor memperkenalkan Anugerah Naib Canselor sebagai tanda menghargai kualiti bekerja, kualiti penyelidikan, dan penerbitan warga akademik UM. Tentu dengan adanya anugerah ini prestasi kualiti penyelidikan, produktiviti, dan penerbitan, terutamanya yang menghasilkan sumbangan kepada *Institute of Scientific Information Web of Knowledge (ISI)* akan meningkat secara terus-menerus, sekali gus menaikkan peratusan *citation*, satu daripada enam indikator pemeringkatan *THES*. Sekali gus juga, pengurusan tertinggi mengadakan insentif untuk menggalakkan lebih ramai ahli akademik menjalankan penyelidikan serta mentauliahkan hasil penyelidikan berkualiti, penghasilan paten, penerbitan dalam jurnal antarabangsa serta yang mendapat *citation* terbanyak.

## **THES 89 DAN 169**

Pemeringkatan 200 Universiti Terbaik 2005 menyaksikan penurunan kedudukan UM dari 89 pada 2004 kepada 169 pada 2005. Hakikatnya lebih 90 universiti terkenal mengalami nasib yang sama, seperti Universiti California, Berkeley, Australian National University, Illinois, Kyoto, RMIT, dan lain-lain. Malah ada yang terkeluar daripada senarai, seperti Dundee, Aberdeen, Leicester, Queens University Belfast, dan lain-lain.

Beberapa ketua negara memberikan reaksi yang positif terhadap pemeringkatan *THES*, contohnya jiran terdekat, Singapura. Presidennya membayangkan bahawa disebabkan kejatuhan sedikit bagi pemeringkatan NUS secara keseluruhan (18 pada 2004, 22 pada 2005) dan kejatuhan FASS dalam pemeringkatan kategori (tangga 17 pada 2004 ke tangga 56 pada 2005), maka pihak kerajaan akan menyuntikkan aliran dana yang lebih besar serta menentukan universiti-universiti di Singapura akan diberi lebih autonomi dalam governans mereka.

Barangkali inilah juga masa yang sesuai bagi pihak yang berkenaan merumus semula cara pengagihan dana sama ada untuk penyelidikan, menghadiri persidangan dan lawatan yang difikirkan dapat mempertingkatkan prestasi UM. Justeru, UM perlu dipertimbangkan untuk menerima kelebihan dari segi kewangan, kemudahan infrastruktur, serta keistimewaan lain. Sebagai satu-satunya universiti dalam 200 universiti bertaraf dunia, UM merupakan wakil negara penjulung bendera Jalur Gemilang. Maka, tentunya UM harus diperkasakan dengan beberapa kelebihan dan keutamaan.

Namun yang jelas akibat daripada segala yang telah berlaku, semua tenaga akademik UM telah dengan sendiri menjalankan audit dalaman sendiri. Apakah sememangnya kualiti UM ini sudah seburuk yang dibayangkan sesetengah pihak? Mengapa pihak tertentu begitu sekali memprovokasi sehingga menghasilkan keraguan dan kerisauan yang tidak berasas di kalangan pihak tertentu? Kerisauan timbul tentang apakah yang akan berlaku dalam *THES 2006*? Jatuh lagi atau lebih menakutkan lagi, terus terkeluar daripada 200 Universiti Terbaik Dunia? Pada tahap ini adalah lebih baik sekiranya kita menumpukan pandangan kepada orang-orang yang cuba melihat dari sudut kebaikan kerana masih ramai orang terdiri daripada golongan ini.

## **JAWATANKUASA KAJIAN TENTANG *THES 2005 WORLD CLASS UNIVERSITIES***

Sebagai pemimpin akademik, Naib Canselor bertindak tegas dan memfokuskan perhatian utama terhadap usaha menangani *THES 2005* dan dengan segera menubuhkan Jawatankuasa Kajian tentang *THES 2005 World Class Universities*. Keanggotaan terdiri daripada 11 ahli akademik yang dipengerusikan oleh Prof. Emeritus Datuk Abu Bakar Hamid. Jawatankuasa segera mengadakan dua pertemuan bukan formal dengan warga universiti pada Disember 2005 dan memberikan dua cadangan untuk mempertingkatkan prestasi akademik. Laporan kajian akan dikemukakan kepada pihak pengurusan pada bulan Februari.

Kesemua teguran dan cadangan daripada semua pihak, daripada pucuk pimpinan, alumni, anggota masyarakat, dan media massa, sama ada media tempatan, antarabangsa dan media talian diterima baik oleh pengurusan universiti. Oleh sebab itulah, semua pihak harus faham bahawa sebagai universiti yang sentiasa

beriltizam untuk memperbaiki diri dan sentiasa fokus terhadap langkah-langkah penambahbaikan, terutamanya dalam usaha untuk menghadapi penarafan oleh Bahagian Jaminan Kualiti, Kementerian Pengajian Tinggi, UM tidak pernah alpa tentang tanggungjawab mendidik modal insan sebuah negara bangsa yang terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik, bahasa dan agama serta pelbagai matlamat dan aspirasi negara.

### **PEMERINGKATAN ATAU PENARAFAN?**

Apabila memasuki tahun 2006 bermakna UM akan sekali lagi dihadapkan dengan situasi pemeringkatan pada bulan Oktober. Tidaklah dapat dibayangkan apakah yang akan dilontarkan oleh *THES*. Suka atau tidak suka, UM akan menghadapi pertarungan yang diharapkan tidak sarat dengan mainan politik yang keanak-anakan dan penampilan media yang didominasi oleh wacana yang jelas tidak memahami *THES* dan tidak memahami apa-apa yang diperlukan oleh UM, UKM, USM, dan UPM berbanding IPTA lain. Apakah yang sebenarnya diperlukan untuk memantapkan prestasi dan kualiti IPTA? Apakah pemeringkatan yang lebih berkesan untuk menjamin kualiti IPTA? Sudahkah pihak yang berwajib menentukan bahawa penarafan adalah kaedah yang lebih baik berbanding pemeringkatan? Apakah usaha *benchmarking* lebih bermanfaat dan serasi dengan kaedah penarafan? Yang kita tahu, kita harus memperkuat sektor pengajian tinggi dan menjamin terhasilnya produk yang semakin berkualiti, berdaya saing dan inovatif.

### **RUJUKAN**

Khoo Kay Kim. 2005. Temubual.

THES 2004 World University Rankings: The World's Top 200 Universities. *The Times Higher Education Supplement*, Nov 5, 2004.

THES 2005 World University Rankings: The World's Top 200 Universities. *The Times Higher Education Supplement*.

\* Penulis ingin menyatakan bahawa penulisan esei ini dibantu oleh perbincangan dengan pelbagai pihak termasuk Dato' Profesor Dr Hashim Yaacob, Naib Canselor (mantan) UM, Prof. Madya Dr Tan Tai Yong, Dekan Fakulti Sastera dan Sains Sosial, National University of Singapore (NUS), Profesor Dr Kurunathan Ratnavelu, Profesor Dr Norhanom Abdul Wahab, Profesor Dr Zubaidah Abdul Rahim, En. Nunzio Quacquarelli, QS Symonds, London, dan Puan Mandy Mok, QS Singapore.